

## **PENDEKATAN LATAIF AL-QURANIYYAH OLEH SYEIKH ALI AL-SOBUNI MELALUI KITAB TAFSIR SOFWAH AL-TAFASIR DALAM PENTAFSIRAN SURAH-SURAH MAKKIYAH**

**Muhammad Uzair Izham**

Calon Sarjana (P101655)

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah,

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

**Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi**

Pensyarah Kanan Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah,

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

*Corresponding Author's Email: muhammaduzair27@gmail.com*

### **Article history:**

*Received : 3 March 2022*

*Accepted : 17 October 2022*

*Published : 27 December 2022*

### **ABSTRAK**

Ciri-ciri surah Makkiyyah antaranya ialah membincangkan perihal kebenaran Hari Kiamat dan Hari Kebangkitan. Dalam memahami tafsiran ayat al-Quran, Tafsir Sofwah al-Tafasir karya Syeikh Ali al-Sobuni adalah salah satu karya kontemporari yang unik dengan mengetengahkan aspek *al-lataif* iaitu kehalusan makna secara tersusun. Kajian ini adalah bertujuan mengenalpasti tema *al-lataif* yang terdapat dalam surah-surah Makkiyah. Reka bentuk kualitatif menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap Kitab Sofwah al-Tafasir Cetakan ke-6 oleh Dar al-Sobuni menjadi metode kajian. Hasil kajian mendapati, terdapat tiga tema utama *al-lataif* iaitu aspek Bahasa Arab, isyarat tarbawiyah dan imaniyyah. Tema-tema ini didatangkan dalam bentuk tafsiran kepada ayat, penyebutan riwayat hadith atau hikayat. Adapun tema yang dominan disebutkan adalah isyarat tarbawiyah diikuti isyarat imaniyyah dan aspek Bahasa Arab. Kesimpulan dari kajian ini ialah aspek *al-lataif* merupakan aspek yang perlu diketengahkan kerana ia menyentuh pendidikan akhlak dan iman melalui bahasa al-Quran yang halus dan mendalam agar dapat membantu meningkatkan kefahaman dan penghayatan terhadapnya.

**Kata kunci:** Lataif Al-Quraniyyah, Syeikh Ali Al-Sobuni, Kitab Tafsir Sofwah Al-Tafasir, Pentafsiran

**THE APPROACH OF LATAIF AL-QURANIYYAH BY SYEIKH ALI AL-SOBUNI THROUGH THE BOOK TAFSIR SOFWAH AL-TAFASIR IN THE INTERPRETATION OF SURAH-SURAH MAKKIYAH**

**ABSTRACT**

*Among the features of Makkiyyah surah are to discuss the truth of the Day of Resurrection and the Day of Resurrection. In understanding the interpretation of the Quranic verse, Tafsir Sofwah al-Tafasir by Syeikh Ali al-Sobuni is one of the unique contemporary works by highlighting the aspect of al-lataif which is the subtlety of meaning in a structured manner. The aim of this study is to identify the theme of al-lataif found in the Makkiyyah surahs. Qualitative design using the content analysis approach to the 6th Print Book of Sofwah al-Tafasir by Dar al-Sobuni became the method of study. As a result of the study, there are three main themes of al-lataif which are aspects of Arabic, tarbawiyah sign and imaniyyah. These themes come in the form of interpretation of verse, pronunciation of hadith or hikayat. As for the dominant theme mentioned is the tarbawiyah gesture followed by the gesture of faith and the Arabic language aspect. The conclusion of this study is that the aspect of al-lataif is an aspect that needs to be highlighted as it touches on moral education and faith through the subtle and deep language of the Quran in order to help improve the understanding and appreciation of it.*

**Keywords:** *Lataif Al-Quraniyyah, Syeikh Ali Al-Sobuni, Tafsir Sofwah Al-Tafasir, Interpretation*

**PENDAHULUAN**

Surah-surah Makkiyah membawa tema-tema utama aqidah seperti Tauhid, Rasul dan Risalah serta Hari Kiamat. Oleh itu, sangat penting untuk mengkaji surah-surah ini dalam pendekatan yang pelbagai. Antara pendekatan yang unik untuk diketengahkan adalah *al-lataif* yang dibawa oleh Syeikh Ali al-Sobuni dalam Tafsir Sofwah al-Tafasir.

Syeikh Ali al-Sobuni merupakan antara 500 tokoh muslim yang berpengaruh di dunia. Hal ini disebabkan sumbangan beliau dalam bidang keilmuan khususnya bidang tafsir. Beliau juga terkenal dengan penulisan yang memudahkan bacaan kerana padat dan ringkas (The Royal Islamic Strategic Studies Centre 2021). Kitab beliau Sofwah al-Tafasir merupakan sebuah kitab yang bersifat semasa dan sering digunakan sebagai sibus pembelajaran dalam pelbagai peringkat pengajian sama ada secara formal ataupun tidak formal yang menunjukkan kepentingannya. Kitab ini menampilkkan *lataif* yang disebut secara jelas dan konsisten selepas pentafsiran kelompok ayat yang terpilih yang tidak terdapat dalam kitab tafsir semasa yang lain. Justeru itu, penelitian terhadap pendekatan *al-Lataif* oleh al-Sobuni wajar untuk dikaji untuk melihat tema-tema aqidah dalam Surah-Surah Makkiyah dalam kerangka semasa.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilakukan ini adalah berbentuk kualitatif menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap Kitab Sofwah al-Tafasir Cetakan ke-6 oleh Dar al-Sobuni. Teks yang dikaji adalah mengikut kaedah persampelan bertujuan iaitu aspek *lataif* dalam surah-surah Makkiyah. Dari sudut pengumpulan data, pendekatan induktif digunakan untuk mengenal pasti kedudukan *lataif* tersebut selain pendekatan deduktif untuk mengenal pasti tema-tema yang terkait dengan *lataif* yang dikeluarkan. Analis data dengan menggunakan pendekatan deskriptif digunakan untuk menghubungkaitkan antara pendekatan *lataif* yang dikeluarkan dengan ciri-ciri surah Makkiyah.

## DEFINISI LATAIF

*Lataif* adalah isyarat atau mesej yang mendalam yang sukar diungkapkan kerana terkait dengan penilitian dan penghayatan namun ia dapat difahami (Al-Jurjani 1983). Ia adalah kata *jama'* bagi perkataan *latif*. Kata *muannathnya* pula adalah *latifah* dan *jama'* menjadi *latifat* (Mukhtar 2008). Kata akarnya daripada huruf *lam-ta'-fa'* yang membawa maksud kelembutan dan sesuatu yang kecil (Ibn Faris 1979).

Jika huruf *ta'* ditarik dengan baris atas (*fathah*) yang membentuk perkataan *latafa* ia memberi makna *rifq* iaitu lemah lembut atau keramahan dan *ra'fah* iaitu kasih sayang (Mukhtar 2008). Dalam penggunaan ayat untuk menunjukkan makna perbuatan berlaku lembut penuh kasih sayang maka dihubungkan dengan *huruf al-jar* iaitu *lam* atau *ba* menjadi *latafa bihi* atau *latafa lahu* (Al-Zabidi t.th.). Perkataan *latafa* juga bermaksud memuliakan atau memberikan kebaikan (Ibn Manzur t.th.) seperti membawakan hadiah kepada seseorang ketika mengunjunginya disebut dengan ayat *jaatna latafah* (Al-Razi 1999).

Jika huruf *ta'* ditarik dengan baris depan (*dhommah*) yang membentuk perkataan *latifa*, ia membawa maksud sesuatu perkara yang kecil *saghura* atau *diqq* iaitu sesuatu yang halus dan terperinci (Al-Razi 1999; Al-Zabidi t.th.; Ibn Manzur t.th.). Selain itu, ia juga memberi makna *riqq* iaitu nipis lawan kepada *kathufa* bermakna tebal ataupun kelembutan lawan kepada *khasyuna* yakni kasar (Mukhtar 2008). Dalam pembinaan ayat disebutkan *al-hawa jism latif* yang diterjemahkan udara adalah jisim yang halus atau digunakan pada ayat *fata zat khalq latif* yang bererti remaja itu memiliki akhlak yang lemah lembut (Ibrahim Mustafa, Ahmad Ziyat, Hamid Abd Kadir t.th.).

Dalam al-Quran kalimah *latif* disebutkan sebanyak 8 kali. Sekali dengan perkataan *لطف* (*lutf*) dalam Surah al-Kahfi:19, 7 kali dengan perkataan *خبير* (*habib*) mana 5 daripadanya digandingkan dengan perkataan *أنا* (*an*) iaitu pada ayat al-An'am:103, al-Hajj:63, Luqman:16, al-Mulk:14, al-ahzab:33. Manakala baki dua lagi disebut bersendirian iaitu dalam surah Yusuf:100 dan al-Syura:19 (Fuad Abdul Baqi 2007). Adapun dari sudut makna penggunaannya, kadang-kadang ia membawa maksud pergerakan yang ringan, atau perkara yang bersifat mendalam. *Latif* juga dimaknakan dengan sesuatu perasaan yang tidak tergambar dengan

pancaindera. Maka disebutkan latif ini dalam al-Quran sebagai salah satu nama Allah SWT kerana Dia mengetahui sesuatu itu dengan mendalam dan sifat lemah lembut Allah kepada hamba-Nya (Al-Asfahani 1991). Selain itu, ia juga membawa maksud pemberian kelebihan dan kebaikan, dan tidak ada sesuatu pun yang tidak diketahui oleh-Nya disamping zat Allah SWT yang tidak tergambar (Audah 2014).

Berdasarkan soratan daripada kitab-kitab di atas, dapat disimpulkan bahawa perkataan *lataif* dan pecahan kata dasarnya itu membawa maksud yang pelbagai mengikut kepada konteks ayat yang digunakan. Jika dirujuk *latif* itu dari segi bahasa maka ia boleh membawa maksud yang mendalam atau kefasihan bahasa. Dari sudut sifat, maka *latif* itu merujuk kepada sifat lemah lembut atau memuliakan sesuatu.

Manakala dari sudut istilah *lataif* ini tidak didefinisikan oleh mana-mana para ulama’ secara khusus. Hal ini kerana ulama’ terdahulu dilihat menumpukan *lataif* ini dari aspek praktikal berbanding teoritikal. Namun begitu, melalui definisi secara bahasa dapat disimpulkan bahawa istilah *lataif* itu merujuk kepada kemanusiaan dan komunikasi. Al-Quran sebagai ‘komunikasi’ Allah SWT dengan hamba-hamba-Nya manakala sifat al-Quran sebagai mukjizat pasti memberi kesan terhadap jiwa dan emosi kemanusiaan (Ahmad Fakhruzzai 2017).

## PENGENALAN RINGKAS SYEIKH AL-SOBUNI DAN SOFWAH AL-TAFASIR

Nama beliau ialah Muhamamd bin Ali bin Jamil al-Sobuni. Dilahirkan pada tahun 1928M. Beliau merupakan seorang pensyarah di Kuliah Syariah dan Dirasat Islamiyah bermula tahun 1963. Beliau menamatkan ijazah pertamanya di al-Azhar dalam bidang Syariah pada tahun 1952. Kemudian beliau menyambung pelajaran dalam Ijazah Pengkhususan Kehakiman Syarie dan berjaya lulus dengan cemerlang. Ijazah tersebut merupakan sijil akademik yang tertinggi pada waktu tersebut (Iyazi 1966). Beliau wafat pada hari Jumaat tanggal 19 Mac 2021.

Kitab Sofwah al-Tafasir adalah kitab yang ditulis selepas kitabnya yang paling terkenal iaitu Tafsir Ayat Ahkam. Selama lebih kurang lima tahun mengambil masa untuk menyiapkan buku ini iaitu pada tahun 1398H (Muhammad Ali Al-Sobuni 2017). Kitab ini menggunakan kaedah penulisan yang menggabungkan dua pendekatan tafsir iaitu *bil Ma’tur* dan *bil Ra’yi*. Dalam pendekatan *bil ma’tur*, beliau cuba untuk mendatangkan riwayat-riwayat yang berkaitan tafsiran ayat baik riwayat itu *marfu’*, *mauquf* atau *maqtu’*. Manakala pendekatan *bil ra’yi* terzahir apabila beliau cuba untuk membawakan *taujihat*, *ijtihad* dan *tarjih* daripada kalangan mufassir yang lain. Dari sudut huraiannya ringkas tetapi padat di samping usaha mengetengahkan ilmu-ilmu al-Quran seperti *Makkiyah* dan *Madaniyah*, *Nasakh Mansukh*, *Ilmu Qiraat* dan lain-lain (Iyazi 1966).

Syeikh Ali-al-Sobuni menyusun kitabnya dengan persembahan yang unik dan tersusun. Beliau mengemukakan kaedah pecahan bab dalam pentafsiran. Beliau membahagikan satu-satu ayat kepada bahagian kecil yang mana kebiasaan

pembahagian itu adalah pada waqaf tam iaitu waqaf yang sempurna pada perkaitan antara ayat. Lebih menarik, al-Sobuni mempamerkan tujuh uslub yang digunakan oleh beliau pada hampir setiap kelompok ayat tafsirannya seperti yang disebut dalam muqaddimahnya. Tujuh uslub itu adalah muqaddimah surah, munasabah antara ayat, bahasa, asbab nuzul, tafsir ayat, balaghah dan fawaid atau lata'if atau tanbih (Muhammad Ali Al-Sobuni 2017).

## SURAH-SURAH MAKKIYYAH DAN CIRI-CIRINYA

Surah-surah Makkiyah mempunyai beberapa takrifan oleh para sarjana ulum al-Quran. Makkiyah adalah surah-surah yang diturunkan di Makkah atau mengikut pembicaraan yang ditujukan kepada ahli Makkah (Al-Zarkasyi 1957; As-Suyuthi 2008). Namun takrifan-takrifan ini mempunyai kekurangan kerana ada sebahagian ayat yang tidak diturunkan di Makkah dan ada pula ayat yang disebutkan secara umum tanpa menyatakan watak pembicaraannya (Yusoff 1995). Justeru, takrifan yang terpilih untuk menggambarkan Makki adalah surah-surah yang diturunkan sebelum Hijrah manakala Madani pula surah-surah yang diturunkan selepas Hijrah walaupun di Makkah (Al-Zarkasyi 1957; As-Suyuthi 2008; Manna' Khalil al-Qattan 2000).

Ibn Al-Durais membahagikan surah-surah Makkiyah kepada 86 Surah, manakala surah-surah Madaniyyah sebanyak 28 Surah (As-Suyuthi 2008) tanpa menyebutkan khilaf terhadap status beberapa surah seperti yang disebutkan oleh sebahagian *mufassirin*. Surah-Surah Madaniyyah tersebut adalah al-Baqarah, Ali Imran, An-Nisa', al-Maidah, al-Anfal, al-Taubah, al-Ra'd, al-Hajj, al-Nur, al-Ahzab, Muhammad, al-Fath, al-Hujurat, al-Rahman, al-Hadid, al-Mujadalah, al-Hasyr, al-Mumtahana, al-Saf, al-Jumuah, al-Munafiqun, al-Taghabun, al-Talaaq, al-Tahrim, al-Insan, al-Bayyinah, al-Zalzalah dan al-Nasr. Manakala selain daripada surah-surah ini adalah surah-surah Makkiyah. Pembahagian ini diikuti oleh Syeikh al-Sobuni di dalam tafsirnya (Muhammad Ali Al-Sobuni 2017).

Surah-Surah Makkiyah pada asalnya hanya diketahui oleh para sahabat kerana mereka melihat proses turunnya wahyu. Namun terdapat kaedah qiyasi ijtihami dalam penentuan tema dan ciri-ciri khususnya. Antara ciri-ciri khususnya adalah surah-surah yang mempunyai ayat-ayat sajadah, seruannya secara umum kepada manusia bukannya hanya orang beriman, dan surah-surah yang bermula dengan huruf muqatta'ah kecuali ali-Imran dan Baqarah. Tambahan dari sudut tema, surah-surah Makkiyyah menyeru dakwah kepada tauhid, kebenaran risalah dan Hari Kebangkitan.

Berdasarkan takrifan, klasifikasi serta tema yang disebutkan, artikel ini akan memfokuskan kepada penyebutan *lataif* dalam surah-surah Makkiyah untuk menghubungkan pendekatan *lataif* yang dikeluarkan dengan tema-tema utama daripada jenis surah ini iaitu penegesan tentang tauhid dan rukun iman yang lain serta kebenaran risalah dan Hari Akhirat.

## LATAIF AL-QURANIYYAH PADA AYAT-AYAT MAKKIYYAH DALAM SOFWAH AL-TAFASIR

Ilmu Makkiyah dan Madaniyyah sememang dititikberatkan oleh al-Sobuni dalam tafsir beliau. Buktiya setiap kali sebelum masuk kepada pentafsiran sesuatu surah akan disebutkan pengenalan surah tersebut dan perkara pertama yang akan disebutkan dalam pengenalan itu adalah sama ada surah itu Makkiyah atau Madaniyyah (Muhammad Ali Al-Sobuni 2017).

Dalam Sofwah al-Tafasir, jumlah keseluruhan *lataif* dengan lafaz *latifah* yang dikeluarkan adalah sebanyak 68 kali. Dari jumlah itu, 40 kali daripadanya adalah dalam surah-surah Makkiyyah. Jadual di bawah menunjukkan pecahan kalimah *lataif* tersebut.

**Jadual 1:** Taburan Kalimah *al-Lataif*

<b>Surah</b>	<b>Juzu’ Buku</b>	<b>Muka Surat</b>	<b>Jumlah</b>
Al’Araf, Yunus	1	438, 454, 538, 544	4
Hud, Yusuf, Ibrahim, al-Hijr, an-Nahl, al-Isra, al-Kahfi, Maryam, Taha, al-Anbiya’, al-Furqan, al-Syua’ara’, an-Naml, al-Qasas, al-Rum	2	9, 15, 40, 55, 60, 95, 102, 129, 134, 143, 149, 160, 191, 208, 231, 242, 328, 333, 349, 365, 366, 372, 377, 393, 399, 412, 436	27
Sad, al-Zariyat, al-Waqiah, Abasa, al-Infitar, al-Tin, al-Takathur, al-Ikhlas	3	51, 242, 289, 299, 497, 504, 552, 573, 596	9
<b>Keseluruhan</b>			<b>40</b>

*Lataif* yang difokuskan dalam kajian ini adalah *lataif* berdasarkan pembahagian surah-surah Makkiyah oleh al-Sobuni dalam Sofwah al-Tafasir. Hal ini disebabkan, terdapat surah yang mengandungi perkataan *latifah* disebutkan ianya Makkiyyah oleh jumhur ulama’ tafsir seperti surah al-Ra’d (As-Suyuthi 2008) tetapi al-Sobuni menyebutkannya sebagai Madaniyyah maka tidak termasuk dalam kajian ini. Malah ada surah yang disebutkan ianya Madaniyyah menurut pandangan terpilih iaitu surah al-Takathur(As-Suyuthi 2008), tetapi al-Sobuni menyebutkannya Makkiyah mengikut pendapat masyhur dan mengeluarkan *latifah* daripadanya (Muhammad Ali Al-Sobuni 2017).

## **KLASIFIKASI TEMA AL-LATAIF AYAT-AYAT MAKKIYYAH DALAM SOFWAH AL-TAFASIR**

*Lataif* dalam kitab ini apabila dilihat dari sudut tema-temanya dalam surah-surah Makkiyah, terdapat tiga tema utama yang dikemukakan oleh Syeikh al-Sobuni dari jumlah keseluruhan 40 kali *al-Lataif* itu dikeluarkan. Manakala dari sudut penyebutan *lataif* itu, ia didatangkan dalam pelbagai bentuk sama ada tafsiran kepada ayat al-Quran, riwayat hadith, serta hikayat. Berikut merupakan tema-tema *al-Lataif* yang dapat dikenalpasti dalam jadual 2 beserta contoh-contohnya dalam penguraian.

**Jadual 2:** Taburan Kalimah *al-Lataif*

<b>Tema</b>	<b>Juzu' Buku / Muka Surat</b>	<b>Jumlah</b>
Isyarat Tarbawiyyah	1 (438, 454) 2 (40, 55, 129, 134, 191, 208, 242, 333, 365, 366, 377, 412) 3 (51, 552, 573)	17
Isyarat Imaniyyah	1 (538, 544) 2 (9, 15, 60, 102, 143, 328, 436) 3 (242, 504, 596)	12
Aspek Bahasa Arab	2 (95, 149, 160, 231, 349, 372, 393, 399) 3 (289, 299, 497)	11
<b>Keseluruhan</b>		<b>40</b>

### **ISYARAT TARBAWIYYAH**

Isyarat tarbawiyyah yang dimaksudkan adalah pengajaran daripada ayat-ayat al-Quran yang dikeluarkan oleh Syeikh al-Sobuni yang bersifat mendidik atau membentuk keperibadian mulia melalui prinsip-prinsip Islam. Selain itu, isyarat ini juga terkait dengan galakan bersifat dengan sifat mahmudah di samping gesaan bermuhasabah. Tema ini merupakan tema yang terbanyak dikeluarkan syeikh iaitu sebanyak 17 kali.

#### **i. Isyarat Tarbawiyyah Yang Bersifat Mendidik**

Dalam surah al-'Araf iaitu pada ayat 200 yang menyebutkan tentang saranan memohon perlindungan Allah SWT daripada hasutan syaitan, Syeikh al-Sobuni membawa satu hikayat salafussoleh tentang satu pertanyaan seorang guru untuk mendidik anak muridnya tentang kepentingan *isti'azah* tersebut. Persoalan itu berkisar apa yang akan dilakukan oleh pelajar tersebut jika syaitan menghasut untuk melakukan kejahanatan? Maka dijawabnya akan berusaha melawannya walaupun mengambil waktu yang panjang dan berterusan. Maka kata guru tersebut; "Bagaimana jika kamu melalui sekawan kambing yang dijaga oleh

penjaga yang mempunyai anjing dan anjing itu menghalangimu melintasinya?” Maka jawab pelajar tersebut; “Aku akan mendepani anjing itu untuk melintasinya.” Maka jawab guru tersebut; “Itu akan mengambil masamu yang panjang. Tetapi jika engkau meminta bantuan dari penjaga itu nescaya ia lebih memudahkanmu” (Al-Sobuni 2017,1:454).

Selain itu, antara surah yang paling banyak dikeluar *lataif* adalah Surah Yusuf. Pada ayat ke-16, al-Sobuni menyebutkan *latifah* yang diambil daripada tafsir al-Razi iaitu berkenaan seorang wanita yang sedang membincangkan suatu hukum dengan Syuraih yang merupakan seorang ulama’ yang terkemuka. Perbincangan itu berakhir dengan wanita itu menangis. Maka al-Sya’bi yang melihat peristiwa itu berasa kasihan, lalu dia pun bertanyakan kepada Syuraih sebab wanita itu menangis. Maka jawab Syuraih; “Saudara-saudara Yusuf juga datang kepada bapa mereka dalam keadaan menangis walhal mereka bersalah. Justeru, seseorang itu tidak boleh menjatuhkan hukuman kecuali dengan kebenaran” (Muhammad Ali Al-Sobuni 2017, 2:40). Pun begitu, apabila dirujuk kepada Tafsir al-Kabir oleh Imam al-Razi pada ayat ini beliau tidak menyatakan perkataan *latifah* secara jelas sebagaimana yang terdapat di tempat yang lain.

## ii. Isyarat Tarbawiyah yang membentuk keperibadian mulia

Contohnya *latifah* kelompok ayat Surah al’Araf 142-149, yang memaparkan kisah Bani Israel yang disesatkan oleh al-Samiri supaya menyembah berhala sepeninggalan Nabi Musa a.s selama 40 hari bertemu Allah SWT. Beliau menyebutkan tentang kehidupan yang membawa kebahagiaan dan kedukaan itu milik Allah juga. Al-Samiri yang di didik oleh *al-Amin* yakni Jibril masih lagi kufur manakala Musa a.s walaupun di didik oleh *al-La’in* iaitu Firaun menjadi orang yang paling beriman kerana hakikat kesan pentarbiyanah adalah di tangan Allah juga (Al-Sobuni 2017,1:438).

Dalam juzu’ ke-3 dalam surah Sad ayat ke 26, Allah SWT menyebutkan tentang Nabi Daud a.s yang dilantik menjadi khalifah di muka bumi dan mengarahkan baginda supaya berhukum dengan adil dan jangan mengikut hawa nafsu. Syeikh al-Sobuni menyebut *latifah* pada tafsiran ayat itu dengan membawa sebuah riwayat dari Ibn Kathir berkenaan perbualan Abu Zur’ah dan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik. Kata Khalifah; “ Adakah Allah kan menghukumku sedangkan aku membaca al-Quran dan sangat faqih akan isi kandungannya?” Kata Abu Zur’ah; “Adakah kamu mahu aku menjawab?” Kata Khalifah; “Jawablah tanpa perlu ragu.” Jawab Abu Zur’ah; “Wahai Amirul Mukminin! Adakah engkau lebih baik daripada Nabi Daud a.s, sedangkan Allah mengumpulkan pada baginda dua kemuliaan iaitu khilafah dan kenabian dalam masa yang sama Allah SWT memperingatkannya supaya berhukum dengan cara yang hak dan jangan mengikut hawa nafsu yang menyesatkan?” Maka Abu Zur’ah membaca ayat ini (Muhammad Ali Al-Sobuni 2017,3:51).

### **iii. Isyarat Tarbawiyah berkaitan akhlak mahmudah**

Contohnya di penghujung surah al-Qasas, dikeluarkan *latifah* daripada kisah Qarun yang menunjukkan kekayaannya kepada orang ramai yang menyebabkan mereka terpegun dengan kemewahannya. Al-Sobuni mendatangkan hikmah daripada ulama' dengan menyatakan bahawa sesiapa yang tiada Qana'ah dalam dirinya, maka tidak akan cukup baginya walaupun memiliki harta sebanyak yang dimiliki Qarun (Muhammad Ali Al-Sobuni 2017, 2:412).

### **iv. Isyarat Tarbawiyah berkaitan gesaan melakukan muhasabah diri**

Contohnya di penghujung surah al-Kahfi, disebutkan tentang mereka yang rugi di hari akhirat dengan menyangka bahawa telah melakukan kebaikan walhal amalan mereka itu terhapus disebabkan kekufuran. Al-Sobuni mengeluarkan *latifah* dengan menyatakan perkataan ﴿لَعْنَة﴾ dalam ayat 105 ini asalnya bermaksud perut binatang yang kembung ketika mana ia termakan racun makanan dan menyebabkan kematian. Maka, digunakan dalam ayat sebagai bentuk muhasabah dengan menggambarkan mereka yang beramal tetapi menyangka ia amal soleh, berjaya dan akan menuai hasil, namun akhirnya membawa kepada kecelakaan (Muhammad Ali Al-Sobuni 2017, 2:191).

Dalam surah al-Syu'a'ra', Al-Sobuni mengeluarkan *latifah* dengan membawakan kisah Umar bin Abdul Aziz yang memegang janggutnya pada pagi hari sambil membaca ayat 205-208 surah ini lalu menangis. Ayat-ayat ini mengajak bermuhasabah iaitu mereka yang Allah berikan kesenangan yang dinikmati setelah sekian lama, namun ia tidak dapat membantu ketika mana datangnya seksaan Allah SWT jika tidak benar-benar menggunakan kisah kebaikan (Muhammad Ali Al-Sobuni 2017, 2:365).

Sebagaimana yang dinyatakan isyarat tarbawiyah merupakan tema *lataif* yang paling banyak dikeluarkan oleh Syeikh al-Sobuni. Ia bersesuaian dengan sifat penurunan al-Quran itu sendiri yang diturunkan secara berperingkat untuk mendidik Rasulullah SAW dan para sahabat melalui peristiwa-peristiwa yang terjadi disekeliling mereka (Ali Al-Sobuni 2008; Manna' Khalil al-Qattan 2000). Justeru itu, pembawaan *lataif* amat signifikan untuk diteliti dan dirungkaikan supaya dapat dikeluarkan lebih banyak lagi faedah-faedah tarbawiyah.

## **ISYARAT IMANIYYAH**

Isyarat imaniyyah yang dimaksudkan adalah sentuhan ayat-ayat al-Quran dan pengajarannya yang akan menundukkan jiwa pembacanya dalam hal keimanan kepada Allah SWT dan rukun-rukun iman yang lain. Tema ini menempati tempat kedua selepas tema sebelumnya iaitu sebanyak 12 kali.

### i. Isyarat Imaniyah tentang keimanan kepada Allah

Contohnya, dalam mentafsirkan ayat ke 5 Surah Yunus, al-Sobuni mendatangkan tafsiran yang mendalam iaitu dengan mengaitkan penciptaan cahaya matahari dan bulan dengan perbezaan antara cahaya yang haq dan kegelapan yang batil. Syeikh mendatangkan riwayat daripada Abdullah bin Salam yang mengatakan bahawa kaum Yahudi terkesima melihat wajah Nabi SAW yang sungguh bercahaya yang tiada tanda seorang penipu. Berbeza jika terlihat Musailamah al-Kazzab yang penuh kegelapan diwajahnya. Tambahan pula, kebenaran Nabi SAW terserlah dengan suruhan baginda diawal kedatangannya ke Madinah untuk menyebarkan salam, memberi makan, menyambungkan silaturrahim dan bersolat pada waktu malam dengan dijanjikan Syurga bagi yang melakukannya (Al-Sobuni 2017,1:538).

Dalam surah Yunus pada ayat 31 pula, Allah SWT membuat pertanyaan untuk difikirkan tentang siapakah yang menurunkan rezeki kepada manusia dan mengaitkannya dengan taqwah. Syeikh al-Sobuni menyebutkan *latifah* dengan mengatakan bahawa ada sekelompok manusia yang menggunakan rezeki yang diberikan kepadanya ke arah kebaikan dan ada pula sebaliknya. Pilihan manusia itu adalah atas sejauhmana keimanan untuk meyakini rezeki ini adalah pinjaman dari Allah SWT kepada manusia untuk digunakan dan ianya tidak bersifat kekal (Al-Sobuni 2017,1:544).

### ii. Isyarat Imaniyah tentang keimanan kepada al-Kitab

Contohnya *latifah* yang dikeluarkan secara umum pada awal surah al-Hijr iaitu dengan membawakan satu kisah yang dipetik daripada tafsir al-Qurtubi. Kisah ini menyatakan seorang lelaki ingin menguji agama manakah yang benar, justeru dia mengambil taurat, injil dan al-Quran lalu mengubahnya dan dicetak dengan tulisan yang cantik. Ketika dia menyerahkan taurat kepada pendeta Yahudi, dan Injil kepada rahib Nasrani, kedua-duanya memuliakannya dan memberinya wang yang banyak. Tetapi ketika dia menunjukkan al-Quran kepada seorang syaikh, apabila syaikh itu membaca maka dia menjadi marah. Dia mengadu hal itu kepada pemerintah untuk dikenakan tindakan. Sebelum dikenakan tindakan, lelaki tadi membuat pengakuan yang dia hanya ingin menguji kebenaran agama dan ternyata agama Islam adalah benar melalui al-Quran iaitu panduan yang benar dan tidak berubah. Justeru itu, dia memeluk Islam (Al-Sobuni 2017, 2:102).

### iii. Isyarat Imaniyah tentang beriman kepada Rasul

Contohnya dalam Surah al-Isra’, al-Sobuni mendatang *latifah* bagi ayat pertama berkaitan hikmah Isra’ Nabi SAW ke Bait al-Maqdis dan Mi’raj Nabi darinya ke langit tertinggi adalah kerana di langit itu tempat berkumpul roh para nabi, dan tempat penurunan wahyu kepada para rasul. Apabila rehlah Rasulullah ini disebut rehlah yang penuh kemuliaan, maka Allah berkehendakkan untuk memuliakan mereka dengan ziarah rasul-Nya yang mulia. Oleh sebab itu juga

Nabi SAW mengimami roh para anbiya' sebagai bentuk kemuliaan (Muhammad Ali Al-Sobuni 2017,2:143).

#### **iv. Isyarat Imaniyah tentang beriman kepada Hari Kiamat**

Contohnya dalam surah al-Infitar pada ayat 13 dan 14 , Allah menyebutkan orang yang melakukan kebaikan itu berada dalam kenikmatan syurga, manakala orang yang melakukan keburukan berada dalam kesengsaraan neraka. Al-Sobuni mengeluarkan *latifah* dengan membawa riwayat tentang Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik yang bertanya kepada Abu Hazm al-Muzani berkenaan bagaimanakah mungkin pengakhiran beliau di hari akhirat nanti dan apakah amalannya di sisi Allah. Maka kata Abu Hazm; “Koreksi amalan kamu dengan kitab Allah maka kamu ketahui pengakhiran kamu.” Maka dibacakan dua ayat ini. Kata Khalifah lagi; “ Jika begitu di manakah rahmat Allah?”. Jawab Abu Hazm; “Sesungguhnya rahmat Allah sangat dengan orang yang melakukan kebaikan (*muhsinin*)[*al-'Araf:56J*]” ( Al-Sobuni 2017,3:504).

Isyarat Imaniyah meskipun merupakan tema kedua terbanyak tapi tidak dinafikan bahawa ia juga satu perkara yang amat penting bahkan ianya menjadi maqasid utama penurunan al-Quran. Al-Quran diturunkan bertujuan untuk membetulkan aqidah dan cara fikir. Aqidah merangkumi perkara-perkara penting seperti tauhid, kenabian dan risalah serta kebenaran hari akhirat dan pembalasan(Al-Qardawi 2000). Justeru itu, *lataif* dalam tema ini perlu diketengahkan untuk manusia bukan sekadar membaca dan menghayati al-Quran dengan akal fikiran tetapi dengan jiwa yang beriman.

### **ASPEK BAHASA ARAB**

Aspek Bahasa Arab bermaksud penekanan tentang bahasa yang terkait dengan ilmu tatabahasa atau ilmu balaghah. Tema ini disebutkan sebanyak 11 kali.

#### **i. Aspek Bahasa yang berkait *ma'rifah* dan *nakirah***

Contohnya, pada pentafsiran doa Nabi Ibrahim untuk menjadikan Makkah yang disebut dengan perkataan ‘بلد’ sebagai suatu tempat yang aman dalam Suruh Ibrahim ayat 35. Al-Sobuni mengeluarkan *latifah* iaitu perkataan *balad* itu disebutkan secara *nakirah* dalam Surah al-Baqarah kerana Makkah belum terbina dan ia merupakan permintaan untuk dijadikan kota berkenaan aman. Manakala dalam Surah Ibrahim didatangkan dalam bentuk *makrifah* kerana Makkah telahpun wujud dan dipohon agar kekal dalam keamanan (Al-Sobuni 2017, 2:95).

#### **ii. Aspek bahasa yang berkait *al-taqdim* dan *al-ta'khir***

Al-Sobuni membawa contoh *latifah* daripada Surah al-Isra':31. Allah SWT berfirman:

وَلَا تَقْتُلُوا أُولَئِكُمْ حَسْيَةٌ إِمْلَقٌ ۝ مَحْنٌ تَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاهُمْ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu.* [al-Isra’: 31]

Dalam ayat ini Allah SWT menyebut bahawa Dia memberi rezeki kepada anak-anak terlebih dahulu sebelum bapa. Hal ini disebabkan dengan keberadaan anak itulah menjadi sebab wujudnya rasa takut pada diri seorang bapa akan kemiskinan disebabkan perlu membelanjakan banyak wang untuk anaknya (Al-Sobuni 2017, 2:149).

### iii. Aspek pemilihan perkataan

Al-Sobuni membawakan *latifah* daripada ayat 24 dan 28 surah al-Syuara’ yang menceritakan tentang perdebatan Nabi Musa a.s dan Firaun. Pada mulanya disebutkan ﴿إِنْ كُثُّمْ مُّوْقِيْنَ﴾ ٢٤﴿ yang menunjukkan kepada lemah lembut kerana mengharapkan mereka mahu untuk beriman. Namun setelah terlihat kedegilan dan kesombongan mereka maka Musa a.s menyebutkan ﴿إِنْ كُثُّمْ تَعْقِلُوْنَ﴾ ٢٨﴿ dengan nada yang lebih tegas (Muhammad Ali Al-Sobuni 2017, 2:349).

Majoriti para ulama’ berpendapat mukjizat terbesar al-Quran adalah dari sudut bahasanya. Hal ini kerana kemukjizatan yang dimaksudkan adalah untuk mencabar sesiapa sahaja yang ingin mendustakan al-Quran untuk mendatangkan semisalnya (Abbas, 2007). Justeru itu, dapat dilihat al-Quran sempurna dari sudut kehalusan bahasanya, kedalaman makna perkataan, ketepatan uslub ketika membentangkan ayat-ayatnya (Al-Khalidi 1992).

Bagi Syeikh al-Sobuni, beliau mempunyai bahagian khusus perbincangan berkaitan bahasa al-Quran iaitu balaghah dalam pentafsiran beliau. Pun begitu, masih lagi terdapat aspek bahasa yang dikeluarkan dalam *lataif* yang menunjukkan kepentingannya. Hal ini disebabkan kebanyakan aspek bahasa yang dikeluarkan sebagai *lataif* juga berkaitan secara tidak langsung dengan isyarat tarbawiyah dan imaniyyah.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan, dapat dirumuskan bahawa al-Sobuni mengetengahkan aspek *lataif* ini dengan cara pentafsiran salah satu ayat al-Quran atau secara umum daripada kelompok ayat yang dibincangkan. Dari sudut pembawaan *lataif* itu, didatangkan dalam bentuk riwayat hadith atau pengkisahan melalui hikayat dan sejarah. Dari penyebutan *lataif*, al-Sobuni konsisten menyebutkan selepas daripada pentafsiran sesuatu kelompok ayat kerana ia merupakan manhaj penulisan yang disebutkan oleh beliau dalam muqaddimah tafsirnya.

Dari sudut tema, al-Sobuni membawa tiga tema, bermula dari yang terbanyak iaitu isyarat tarbawiyah diikuti isyarat imaniyyah dan kemudiannya aspek bahasa apabila diteliti dalam surah-surah Makkiyah. Hal ini memberi satu gambaran penting, iaitu untuk memahami surah-surah yang membawa mesej

aqidah perlu diiringi dengan aspek pentarbiyanan jiwa dan pemupukan keimanan melalui ayat-ayatnya yang indah. Justeru itu, ketika mana seorang lelaki bertanyakan kepada Rasulullah perihal bilakah berlakunya hari kiamat yang merupakan salah satu mesej surah-surah Makkiyah, maka jawab baginda; "Apa yang kamu sediakan untuk menghadapinya?" (Riwayat Bukhari). Jawapan baginda yang berbentuk persoalan ini, menunjukkan tidak ada keperluan untuk mengambil tahu bilakah berlakunya kiamat, cukup sekadar mengetahui tandanya sepertimana dalam hadith Jibril (Riwayat Bukhari). Namun hal yang lebih penting daripada itu adalah persediaan menghadapinya.

Tambahan lagi, al-Sobuni juga ada menyebutkan *latifah* daripada surah al-Takathur yang menunjukkan elemen tarbawi dibawakan oleh Nabi SAW dalam mengingati Hari Kiamat sebagai salah satu bentuk persediaan menghadapinya (Muhammad Ali Al-Sobuni 2017,3: 573). Beliau membawakan hadith berikut:

Dari Abu Hurairah r.a. katanya : "*Pada suatu malam Rasulullah saw. Pergi keluar rumah, tiba-tiba beliau bertemu dengan Abu Bakar dan Umar. Lalu bertanya beliau, "Mengapa Anda keduanya keluar rumah malam-malam begini?" Jawab mereka, "Kami lapar, ya Rasulullah!" Kata Rasulullah saw., "Demi Allah yang jiwaku dalam kuasa-Nya, aku juga keluar kerana lapar seperti Anda. Marilah!" Mereka pergi mengikutkan beliau ke rumah seorang lelaki Ansar (Abu Haitsam Malik bin Taihan). Sayang dia sedang tidak ada di rumah. Tetapi tatkala isterinya melihat Rasulullah saw. datang, dia mengucapkan Marhaban wa Ahlan (Selamat datang). Maka bertanya Rasulullah saw. "Kemana si Fulan (Abu Haitsam)?" Jawab isterinya. "Dia sedang mengambil air tawar untuk kami." Tiba-tiba suaminya datang dan melihat Rasulullah saw. berserta dua sahabat beliau, maka dia berkata, "Alhamdulillah, tidak ada orang yang lebih bahagia dari ku hari ini kerana kedatangan tetamu yang mulia." Lalu dia pergi mengambil setandan kurma, di antaranya ada yang masih muda, yang mulai masak dan yang sudah masak betul. Katanya, "Silakan dimakan ini," sambil dia mengambil pisau. Nabi saw. berkata. "Jangan dipotong (kambing) yang mempunyai susu." Maka dipotongnya seekor kambing lalu mereka makan kambing, makan kurma setandan, dan minum susu. Setelah semuanya kenyang dan puas makan minum. Rasulullah saw. berkata kepada Abu Bakar dan Umar, "Demi Allah yang jiwaku berada dalam kuasa-Nya, kamu akan ditanya kelak pada hari kiamat tentang nikmat yang kamu peroleh ini. Kamu keluar dari rumah kerana lapar dan pulang sesudah memperoleh nikmat ini."* (Riwayat Muslim)

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa al-Sobuni mengemukakan *al-lataif* merujuk kepada pengertian yang halus dan pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu ayat-ayat al-Quran. Selain itu, beliau juga turut menggunakan istilah lain yang memberi makna yang hampir sama dengan *lataif* iaitu fawaid dan tanbih. Hasil analisis tinjauan awal, kajian ini menunjukkan pendekatan *lataif* melalui tema-tema yang dibawakan oleh Syeikh al-Sobuni dalam surah-surah Makkiiyah mempunyai kaitan tidak langsung tetapi signifikan dengan ciri-ciri utama surah tersebut. Pendekatan ini membantu untuk lebih memahami dan menghayati ayat-ayat al-Quran. Maka penulis mencadangkan supaya kajian lanjut dijalankan untuk mengenal pasti tema dalam surah-surah Madaniyah untuk mengenalpasti hubungan *lataif* dengan ciri-cirinya.

## RUJUKAN

### Al-Quran

- Sahih al-Bukhari, Muhammad bin Ismail al-Bukhari, Kitab Adab, Bab ‘Alamah Hubbillah Azzawajal, daripada Anas bin Malik r.a, no. 6171 dan Kitab Iman, Bab Sual Jibril, daripada Abu Hurairah r.a, no.50. Cetakan Pertama Dar Tawaq al-Najah 1422H.
- Sahih Muslim, Muslim bin Hajjaj, Kitab al-Asyribah, Bab Jawaz Istibta’ihi Ghairahu ila Dar Man Yathiqu Biridahu bizalik, daripada Abu Hurairah r.a, no 2038, Cetakan Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Abbas, Fadl Hassan. 2007. *Muhadarat fi Ulum al-Quran.Pdf*. Edisi ke-1. Amman,Jordan: Dar al-Nafais.
- Ahmad Fakhrurrazi, Zabidi. 2017. Konsep lataif al-quran oleh imam fakhruddin al-razi dalam mafatih al-ghaib. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Asfahani, raghib. 1991. *Mufradat Fi Gharib Al-Quran*. Safwan Adnan (pnyt.). Edisi ke-Cetakan Pe. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Jurjani, Ali bin Muhammad. 1983. *Al-Ta’rifat*. Edisi ke-Cetakan Pe. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Khalidi, Solah Abdul Fatah. 1992. *Lataif al-Quraniyyah* Edisi ke-1. Dimasq: Dar al-Kalam.
- Al-Qardawi, Yusuf. 2000. *Kaifa Nata’amul Maa’ al-Quran*. Dār al-Syūrūq.
- Al-Razi, Zainuddin. 1999. *Mukhtar Al-Sihah*. Yusuf Syeikh Muhammad (pnyt.). Edisi ke-5. Beirut: Al-Maktabah al-’Asriyyah.
- Al-Sobuni, Ali. 2008. *al-Tibyan Fi Ulum al-Quran.Pdf*. Edisi ke-3. Dar al-Ihsan.
- Al-Sobuni, Muhammad Ali. 2017. *Sofwah Al-Tafasir*. Edisi ke-Cetakan Ke. Dar al-Sobuni.
- Al-Zabidi, Murtada. t.th. *Taj Al-Urus*. Dar al-Hidayah.
- Al-Zarkasyi, Badruddin. 1957. *Al-Burhan Fi Ulum Al-Quran*. Muhammad Abu Fadl Ibrahim (pnyt.). Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- As-Suyuthi, Jalal ad-Din. 2008. *Al-Itqan Fi ’Ulum Al-Qur’ān*. Syuaib Al-Arnaut (pnyt.). Edisi ke-1. Damascus: Resalah Publishers.
- Audah, Salman. 2014. *Ma’a Allah*. Edisi ke-1. Kaherah: Dar as-Salam.

- Fuad Abdul Baqi, Muhammad. 2007. *Mu'jam Mufahras Li Alfaz Al-Quran Al-Karim*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Faris, Ahmad. 1979. *Maqayis Al-Lughah*. Abdul Salam Muhammad Harun (pnyt.). Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram. t.th. *Lisan Al-'Arab*. Edisi ke-3. Beirut: Dar Sadir.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Ziyat, Hamid Abd Kadir, Muhammad Najar. t.th. *Mu'jam Al-Wasit*. Kaherah: Daral-Dakwah.
- Iyazi, Muhammad Ali. 1966. al-Mufassirun Hayatuhum wa Manhajuhum jilid 2, Edisi 1 Tehran: Maktabah Mukmin Quraisy
- Manna' Khalil al-Qattan. 2000. *Mabahith Fi Ulum Al-Quran*. Edisi ke-3. Maktabah al-Maa'rif li Nashr wa Tauzi'.
- Mukhtar, Ahmad. 2008. *Mu'jam Al-Lughawiyyah Al-Mua'sarah*. Edisi ke-1. 'Alim al-Kitab.
- The Royal Islamic Strategic Studies Centre. 2021. The world most influence muslim. <https://themuslim500.com/profiles/sheikh-mohammad-ali-al-sabouni/>.
- Yusoff, Zulkifli Hj. 1995. Makki dan madani dan beberapa diskusi tentangnya. 69–86.